

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2012**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 [*Kn.P.U. 9 tahun 1986*], yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dengan memasukkan selepas takrif “siling” takrif yang berikut:

‘ “SPAHA” bermaksud “Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan” di mana air hujan dikumpul daripada bumbung dan kemudiannya disalurkan ke tangki-tangki penyimpanan air hujan sebelum digunakan;’

Pindaan undang-undang kecil 10

3. Subperenggan 10(1)(a) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkara (ix) perkara yang berikut:

“(x) lokasi tangki air hujan;

(xi) elemen SPAHA seperti sistem perpaipan, tangki air hujan, pam air dan sebagainya (yang diperlukan untuk memasang SPAHA) yang berkaitan perlulah ditunjukkan dengan jelas di dalam pelan bagi jenis-jenis bangunan seperti berikut:

(a) berhubung dengan bangunan kediaman, SPAHA perlu dipasang hanya untuk rumah banglo dan rumah berkembar yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m² sahaja; dan

(b) berhubung dengan semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m². ”.

Pindaan undang-undang kecil 25

4. Perenggan 25 (c) Undang-Undang Kecil ibu dipinda—
- (a) dengan memotong perkataan “dan” selepas perkataan “air”; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas perkataan “elektrik” perkataan “dan komunikasi”.

Pindaan undang-undang kecil 27

5. Perenggan 27 (1) Undang-undang kecil ibu dipinda—
- (a) dengan memotong perkataan “dan” selepas perkataan “air”; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas perkataan “elektrik” perkataan “dan komunikasi”.

Penggantian undang-undang kecil 115

5. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 115 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“(1) Semua bumbung bangunan hendaklah dibina supaya boleh disalurkan dengan berkesan kepada saluran, talang, pelongsor atau patung dan SPAH (bagi bangunan yang dikehendaki untuk memasang SPAH) yang mencukupi yang hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi menerima dan membawa semua air yang mungkin jatuh di atas dan daripada bumbung itu.

(2) Bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH, reka bentuk dan pembinaan SPAH hendaklah mengikuti keperluan seperti berikut:

- (a) air hujan tidak boleh memasuki tangki bekalan air awam. Air daripada bekalan air awam boleh memasuki tangki air hujan dengan dilengkapi dengan suatu injap penahan aliran balik sehala atau berakhir sekurang-kurangnya pada 225mm di atas paras limpah tangki simpanan SPAH;
- (b) alur keluar SPAH hendaklah ditanda “Bukan Untuk Tujuan Minuman atau Mandian” dengan jelas;
- (c) palung yang digunakan mempunyai kecerunan yang secukupnya supaya air tidak bertakung; dan
- (d) paip air hujan hendaklah berwarna hijau”.

Diperbuat pada 13 Disember 2011
[SUK.D.200(05)849/1 JLD 2; PU.KN. 1/G/55]

AB. PATTAH BIN HASBULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Kelantan

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

UNIFORM BUILDING BY-LAWS (AMENDMENT) 2012

IN exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133] the State Authority of Kelantan makes the following by-laws:

Citation and commencement

1. (1) These by-laws may be cited as the **Uniform Building (Amendment) By-Laws 2012**.
- (2) These By- Laws come into operation on the date its published in the *Gazette*.

Amendment of by-law 2

2. The Uniform Building By-Laws 1986 [*Kn.P.U. 9 of 1986*], which are referred to as the “principal By-Laws” in these By-Laws are amended by inserting after the definition of “smoke stop door” the following definition:

‘ “SPAH” means a Rainwater Harvesting and Utilisation System where rainwater is collected from a roof, conveyed to a rainwater tank and stored for use ;’

Amendment of by-law 10

3. In subparagraph 10(1)(a) of the principal by- Laws amended by inserting after (ix) the following-

- “(x) the location of the rainwater tank;
- (xi) SPAH elements such as piping system, rainwater tank, water pump and other related equipments (as required to install SPAH) must be clearly shown on the plan for the following category of buildings:
- (a) in respect of residential buildings, SPAH is required to be installed only for bungalows and semi detached houses with a roof area equivalent to or more than 100 m²; and
 - (b) all detached buildings with a roof area equivalent to or more than 100 m².”

Amendment of by-law 25

4. Paragraph 25 (c) principal By-Laws is amended—
 - (a) by deleting the word “and” after the word “water”; and
 - (b) by inserting after the words “electricity installation” the words “and communication”.

Amendment of by-law 27

5. Paragraph 27(1) principal By-Laws is amended—
 - (a) by deleting the word “and” after the word “water”; and
 - (b) by inserting after the words “electricity installation” the words “and communication”.

Substitution of by-laws 115

6. The principal By-laws are amended by substituting for by-law 115 the following by-law:

“(1) All roofs of buildings shall be so constructed as to drain effectually to suitable and sufficient channels, gutters, chutes or troughs which shall be provided in accordance with the requirements of these By-Laws for receiving and conveying all water which may fall on and from the roof.

(2) For buildings required to install SPAH, the design and construction of SPAH shall conform to the following requirements:

- (a) rainwater must not flow into the public water tank. Water from the public water tank can flow into the rainwater tank subjected to it being equipped with a one way non return valve or the overflow pipe in the rainwater tank is located at least 225 mm lower from the inlet pipe to the rainwater tank;
- (b) SPAH outlet/ rainwater tank shall be clearly marked with “Not For Drinking Or Bathing”;
- (c) gutters used shall have sufficient slope to prevent stagnant water; and
- (d) rainwater pipes shall be green in colour”.

Made this 13 December 2011
[SUK.D.200(05)849/1 JLD 2; PU.KN. 1/G/55]

AB. PATTAH BIN HASBULLAH
Clerk of State Executive Council
Kelantan